



PERTUBUHAN  
**FITRAH**  
UMMAH



**SOALAN & JAWAPAN**  
**IBADAH**  
**QURBAN**

Ebook ini dibawa khas oleh :

**[www.fitrahummah.com](http://www.fitrahummah.com)**

"TOGETHER WE SHARE"

**[www.fitrahummah.com](http://www.fitrahummah.com)**



# BAHAGIAN 1

## PENJELASAN & HUKUM

1

### Apakah pengertian Ibadah Qurban?

J

Ibadah Qurban ialah sembelihan haiwan ternakan seperti unta, lembu dan kambing yang dilakukan pada Hari Raya Aidiladha iaitu 10 Zulhijjah (selepas solat) dan pada hari-hari Tasyrik berikutnya iaitu 11, 12, 13 Zulhijjah.

Hal ini berdasarkan pendapat Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari dalam kitab karangannya Sabil Al-Muhtadin.

2

### Apakah syarat untuk melaksanakan Ibadah Qurban?

J

Lima syarat bagi seseorang yang ingin melaksanakan Ibadah Qurban iaitu:

Islam



Merdeka  
(Bukan Hamba)



Baligh



Berakal



Mampu




3

### Apakah hukum melaksanakan Ibadah Qurban?

J

Hukumnya adalah sunat muakkad iaitu sunat yang sangat-sangat dituntut. Jika tidak laksanakan amatlah rugi.

Rasulullah SAW bersabda "Aku disuruh berQurban dan ia sunat bagi kamu" (Riwayat At-Tarmizi)



## BAHAGIAN 1

### PENJELASAN & HUKUM

4

#### Apakah dalil berkaitan Ibadah Qurban?

J

Sabda Rasulullah SAW “Tiada dikerjakan oleh anak adam suatu amalan pada hari raya yang lebih digemari Allah Taala daripada menumpahkan darah iaitu menyembelih Qurban. Sesungguhnya Qurban itu akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya dan kuku kakinya dan bahawa darah (Qurban itu) jatuh ia daripada Allah pada suatu tempat dengan kemuliaan sebelum ia jatuh ke bumi. Maka sukakanlah diri kamu dengan Qurban itu” (Riwayat At Tarmizi & Al Hakim)

5

#### Bolehkah melaksanakan Ibadah Qurban di atas orang yang sudah meninggal dunia?

J

Pendapat Pertama: Dibolehkan untuk melakukan Ibadah Qurban buat arwah dan sampai pahalanya juga buat arwah. Ini adalah pendapat jumhur ahli ilmu yang merangkumi al-Hanafiyah, al-Malikiyyah, al-Hanabilah dan sebahagian al-Syafi’ieyyah.

Pendapat Kedua: Makruh hukumnya melakukan Qurban buat arwah.

Pendapat Ketiga: Tidak boleh melakukan Ibadah Qurban buat arwah melainkan ianya telah diwasiatkan oleh arwah sebelum kematianya.

(Dipetik dari Website Mufti Wilayah Persekutuan/edisi-haji-korban/1069)

6

#### Bolehkah melaksanakan Ibadah Qurban untuk kanak-kanak yang masih kecil?

J

Hukumnya adalah Harus. Bergantung pada kemampuan Ibubapa untuk melaksanakan.



# BAHAGIAN 1

## PENJELASAN & HUKUM

7

### Bolehkah buat satu bahagian lembu untuk satu keluarga?

J

Satu bahagian lembu atau satu ekor kambing hanya untuk satu peserta sahaja. Tetapi diharuskan bagi peserta itu untuk berniat dan doa berkongsi pahala Qurban itu kepada ahli keluarganya yang lain.

8

### Bolehkah kita buat Ibadah Qurban untuk orang lain?

J

Boleh akan tetapi wajib memberitahu kepada orang tersebut supaya ia berniat Qurban.

Contohnya: Seorang ayah melaksanakan Ibadah Qurban untuk anak yang sudah bekerja. Maka perlulah diberitahu kepada anaknya supaya berniat, agar anak tersebut peroleh Ibadah Qurban yang sempurna.

9

### Boleh ke wakilkan orang lain untuk sembelih Qurban bagi pihak kita?

J

Harus mewakilkan orang lain untuk menyembelih Qurban dan memadai niat orang yang mewakilkan. Sheikh al-Islam berkata: "Walaupun wakil tidak mengetahui haiwan yang disembelihnya itu adalah haiwan qurban tidak mengapa".



## BAHAGIAN 1

### PENJELASAN & HUKUM

10

#### Orang yang menanggung bebanan hutang, adakah boleh laksanakan Ibadah Qurban?

J

Jika hutang jangka panjang (long-term financial) seperti ansuran rumah, ansuran kereta dan sebagainya adalah tidak termasuk dalam kategori hutang jangka panjang. Berbeza hutang yang membebankan diri sehingga tidak mampu untuk membeli makanan atau barang asas hidup, maka tidak perlu untuk dia melakukan Ibadah Qurban.

11

#### Bolehkah daging Qurban diagihkan kepada orang bukan Islam?

J

Tidak digalakkan kerana daging tersebut disandarkan kepada sembelihan Ibadah. Namun terdapat beberapa pandangan yang memberi keringinan seperti pendapat al-Hasan al-Basri dan sebahagian ulama' membenarkan agihan kepada bukan muslim yang fakir dan terkenal dikalangan penduduk Islam setempat sebagai peramah dan baik.

12

#### Bolehkah buat Ibadah Qurban dengan ayam?

J

Tidak boleh. Ibadah Qurban hanya dilakukan dengan haiwan ternakan seperti unta, lembu dan kambing.





# BAHAGIAN 1

## PENJELASAN & HUKUM

13

**Apakah amalan sunat untuk orang yang melaksanakan Ibadah Qurban?**



Sunat tidak memotong kuku



Sunat tidak memotong bulu pada tubuh badan



Berdoa bermula dari 1 Zulhijjah sehingga Qurban dilaksanakan



Berpuasa sunat bermula 1 Zulhijjah hingga 9 Zulhijjah iaitu Hari Arafah

14

**Bolehkah gunakan duit bantuan atau sedekah untuk melaksanakan Ibadah Qurban?**




Dibolehkan bergantung kepada kemampuan seseorang itu.

15

**Apakah cara pelaksanaan Ibadah Qurban yang terbaik?**



Melaksanakan Ibadah Qurban di tempat (qariah) sendiri, menyembelih haiwan Qurban sendiri, melihat sembelihan Qurban, mengagihkan daging Qurban sendiri, merupakan cara pelaksanaan yang terbaik. Sebaik-baik haiwan Qurban adalah yang paling banyak dagingnya. Haiwan Qurban yang terbaik ialah unta kemudian diikuti lembu dan kambing.



# BAHAGIAN 1

## PENJELASAN & HUKUM

16

### Saya rasa saya belum diaqiqahkan, boleh ke terus saya laksanakan Ibadah Qurban terus?

J

Boleh melaksanakan Qurban bagi individu yang belum beraqiqah dan perlu diketahui bahawa adalah sebaiknya dilaksanakan Ibadah Qurban dahulu kerana waktu sembelihan Ibadah Qurban hanya boleh dilakukan pada 10-13 Zulhijjah sahaja pada setiap tahun. Manakala Ibadah Aqiqah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sepanjang tahun. Jika berkemampuan, boleh dilaksanakan kedua-duanya sekali.

### Sewaktu saya menunaikan Umrah dahulu, saya terlupa untuk bayar dam, adakah saya boleh laksanakan Qurban dengan disertakan niat bayar dam atau perlu laksanakan berasingan?

17

J

Perlu diketahui, niat untuk melaksanakan Ibadah Qurban adalah sebagai tanda mendekatkan diri dan bersyukur atas nikmat diberikan Allah, manakala niat untuk membayar dam adalah membayar denda sebagai ganti melanggar perbuatan dilarang sewaktu di Tanah Suci. Jelas disini bahawa niat dan tujuan pelaksanaan kedua-dua ibadah adalah berbeza. Maka pihak kami berpendapat TIDAK boleh laksanakan.

Namun ada sebahagian sarjana Islam membenarkan dengan syarat, individu tersebut mengalami masalah kewangan dan ditakuti meninggal sebelum sempat laksanakan.



# BAHAGIAN 1

## PENJELASAN & HUKUM

18

### Hikmah disebalik pelaksanaan Ibadah Qurban



- 1 Menghidupkan sunnah Nabi Ibrahim AS.
- 2 Mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendidik jiwa bertaqwa.
- 3 Menghapus dosa dan mengharap redha Allah SWT.
- 4 Mengikis sifat tamak dan melahirkan sifat murah hati.
- 5 Memperolehi kenderaan ketika meniti titian sirat di akhirat kelak.

Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud: "Muliakanlah Qurban kamu kerana ia menjadi tunggangan kamu meniti titian pada hari kiamat"

Rasulullah SAW bersabda "Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah SWT sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berQurban)."

### Saya dah buat Ibadah Qurban tahun lepas, jadi tahun ni saya nak buat Ibadah Qurban untuk anak saya. Boleh ke ?



Hukum Ibadah Qurban ke atas Umat Islam Berkeluarga. Hukum Ibadah Qurban adalah **SUNAT KIFAYAH** bagi orang yang mempunyai keluarga. Namun, jika tidak mempunyai keluarga maka hukumnya **SUNAT AIN**

**MAKRUH** tidak menunaikan Ibadah Qurban jika **MAMPU. MAKRUH** meninggalkan Ibadah Qurban kerana perbezaan pendapat pada hukum wajibnya. Oleh itu, Ibadah Qurban **LEBIH AFDAL** daripada sedekah sunat.

**HARUS** bagi bapa atau datuk melakukan Ibadah Qurban untuk anak atau cucunya daripada hartanya dengan niat untuk mendidik mereka supaya mereka boleh meneruskan ibadah ini sehinggalah mereka dewasa. Bapa atau datuk boleh mengajar anak atau cucu supaya berniat melakukan Ibadah Qurban.

Rujukan kitab "Sabil Al Muhtadin : Korban, Aqiqah, Perburuan, Sembelihan dan Pemakanan" (Muka surat 5,6,7 & 34)



## BAHAGIAN 2

### PENGURUSAN

20

#### Di manakah tempat pelaksanaan Ibadah Qurban?

J

Pertubuhan Fitrah Ummah melaksanakan Ibadah Qurban di Malaysia dan di luar negara. Selain di Malaysia, antara negara-negara pelaksanaan ialah di Kemboja, Vietnam, Bangladesh, Indonesia, Laos dan Tanah Suci Mekah.

Sembelihan Ibadah Qurban Malaysia dilaksanakan di Rantau Panjang, Klang Selangor.

21

#### Bolehkah pelanggan memilih tempat pelaksanaan Ibadah Qurban?

J

Bermula pada tahun 2021, Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) telah menambahbaik sistem pendaftaran dimana pelanggan boleh memilih lokasi pelaksanaan Ibadah Qurban dengan syarat, pemilihan boleh dibuat selagi kuota pada sesebuah negara itu belum penuh.

22

#### Kalau dah ada buat Ibadah Qurban di Malaysia, kenapa nak buat juga di luar negara?

J

Kami memberi peluang kepada para peserta untuk membuat pilihan bagi melaksanakan Ibadah Qurban samada di Malaysia ataupun di luar negara dengan tawaran harga perkhidmatan yang mampu dilaksanakan demi untuk menggalakkan umat Islam di Malaysia agar tidak terlepas daripada menyertai Ibadah Qurban setiap tahun.

23

#### Mengapa harga Ibadah Qurban di luar negara lebih murah?

J

Sebab utama adalah kerana harga haiwan di negara perlaksanaan yang kami laksanakan murah berbanding di Malaysia. Oleh sebab itu, harga yang ditawarkan untuk perlaksanaan Ibadah Qurban lebih murah berbanding di Malaysia.



## BAHAGIAN 2

### PENGURUSAN

**Adakah Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) melantik Sukarelawan untuk mempromosikan program yang dijalankan?**

24

J

Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) sememangnya melantik Sukarelawan untuk melakukan promosi bagi mengajak orang ramai melaksanakan Ibadah Qurban. Semua Sukarelawan adalah dikalangan mereka yang kami percaya dan amanah dalam membantu Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) menjalankan program.

**Adakah sempurna akad penyertaan melalui website Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) sahaja?**

25

J

Ya, sempurna akad Ibadah Aqiqah tersebut. Transaksi yang berlaku ialah ijab dan qabul iaitu persetujuan antara peserta dan urusetia samada secara lafaz ataupun melalui tulisan sah disisi syara'.

26

**Bagaimakah cara saya hendak mengemaskini data atau buat perubahan setelah selesai proses pendaftaran di website Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU)?**

J

Sebarang perubahan pada penyertaan di website perlu dimaklumkan terus pada pihak urusetia atau Sukarelawan Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) dalam tempoh kurang 24 jam.

Andai peserta lambat memaklumkan dan ia melebihi tempoh 24 jam, maka Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) perlu mengambil masa (3) tiga hari bekerja untuk memproses kemas-kini. Andaikata melibatkan kes rumit, Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) akan mengambil masa agak lama.



## BAHAGIAN 2

### PENGURUSAN

27

#### Bilakah Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) akan melaksanakan Ibadah Qurban? Bilakah peserta akan dapat Sijil Qurban?

J

Selepas pendaftaran, pelaksanaan Ibadah Qurban akan dilakukan pada 10 Zulhijjah (selepas solat) dan pada hari-hari Tasyrik berikutnya iaitu 11, 12, 13 Zulhijjah mengikut kadar kuantiti jumlah Qurban.

Pihak Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) akan mengemaskini laporan program secara umum setelah proses perlaksanaan selesai dilaksanakan di media sosial Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) samaada di page Facebook, Instagram dan web rasmi. Sijil laporan akan diposkan kepada para peserta dalam tempoh 30 hari waktu bekerja.

28

#### Bagaimakah caranya kami ingin tahu bahawa Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) boleh dipercayai?

J

Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) berpengalaman selama 5 tahun menguruskan pelaksanaan Ibadah Qurban, Aqiqah dan Waqaf di luar negara. Selain itu, kami juga akan pergi ke negara-negara pelaksanaan bagi memantau segala proses sembelihan, agihan dan sumbangsan yang mana mereka juga turut menyertai kami ke sana untuk melihat sendiri proses yang kami lakukan.

Kepercayaan dan hubungan baik dengan wakil kami telah lama kami jalankan. Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU) memantau pelaksanaan Ibadah Aqiqah dengan kaedah laporan-laporan berbentuk gambar proses persediaan dan penyembelihan.



## BAHAGIAN 2

### PENGURUSAN

29

#### Bagaimakah cara agihan daging Qurban di Malaysia?

Ada 3 pilihan boleh dibuat kepada peserta :

J

1. Peserta mengambil kesemua bahagian lembu Qurban. Tapi perlu diberi perhatian bahawa hanya  $\frac{1}{3}$  bahagian daging sahaja boleh diambil peserta. Manakala  $\frac{1}{3}$  bahagian daging boleh diberikan kepada jiran tetangga,  $\frac{1}{3}$  bahagian daging diberikan kepada fakir miskin.
  2. Peserta mengambil  $\frac{1}{3}$  dari bahagian Qurban mereka.  $\frac{2}{3}$  bahagian Qurban diserahkan kepada pihak urusetia untuk diagihkan kepada fakir miskin di area Klang.
  3. Peserta menyerahkan sepenuhnya daging Qurban kepada pihak urusetia untuk diberikan kepada fakir miskin di area Klang.
- Daging Qurban akan dibungkus di dalam icebox polistrin supaya packaging kemas. Tambahan kos RM10 untuk bungkusan ini.
  - Kos runner dengan Lalamove akan ditanggung oleh peserta mengikut jarak dari kandang sembelihan Qurban PFU di Rantau Panjang, Klang, Selangor.
  - Caj runner ini akan dibayar semasa peserta mendapat daging Qurban.
  - Jangkaan bungkusan daging Qurban tiba di rumah peserta pada waktu petang jika tiada aral melintang.

30

#### Bilakah tarikh tutup penyertaan Ibadah Qurban bersama Pertubuhan Fitrah Ummah (PFU)?

J

Tarikh tutup penyertaan Ibadah Qurban pada 19 Julai 2021 bersamaan 9 Zulhijjah 1442H.

30  
SOALAN & JAWAPAN  
**IBADAH**  
**QURBAN**

**SEMOGA INFO YANG DISEDIAKAN  
BERMANFAAT UNTUK SEMUA.**

Sekiranya ada sebarang soalan berkaitan ibadah qurban, boleh terus berhubung dengan kami.

**018 2929 006**



**"TOGETHER WE SHARE"**